



12 APR, 2025

Jualan harumanis tahun ini dijangka sekitar RM19.4 juta

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Jualan harumanis tahun ini dijangka sekitar RM19.4 juta

Oleh ASYRAF MUHAMMAD
utusannews@mediamulia.com.my

ARAU: Jualan harumanis Perlis musim ini dijangka hanya sekitar 2,400 tan metrik dengan anggaran nilai RM19.4 juta.

Jumlah tersebut menunjukkan penurunan berbanding tahun lalu iaitu sebanyak 2,497.58 tan metrik dengan nilai RM49.9 juta.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad berkata, penurunan tersebut disebabkan beberapa faktor antaranya cuaca yang tidak menentu.

"Selain itu, antara faktor lain adalah disebabkan oleh keadaan pokok yang berusia di samping kemampuan pengusaha untuk menguruskan tanaman mereka.

"Pokok mempelam harumanis ini memerlukan penjagaan rapi dan ia membataskan kemampuan pengusaha khususnya mereka yang berusia untuk menguruskan tanaman ini," katanya ketika ditemui selepas mengadakan tinjauan di ladang harumanis sekitar Mata Ayer di sini, semalam.

Pada Mac lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan, pengeluaran buah harumanis tahun ini dijangka merosot sebanyak 30 peratus disebabkan faktor cuaca



RAZALI Saad (dua dari kiri) melihat buah mempelam harumanis yang ditanam di Ladang Harumanis Cikgu Non, Mata Ayer, Perlis. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

hujan yang menyebabkan bunga tanaman itu tidak dapat menghasilkan putik.

Razali berkata, pasaran buah berkenaan masih kekal pada kadar RM130 untuk tiga kilogram bagi gred tunggal A.

Katanya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sedang dalam proses untuk mengadakan mesyuarat bagi pe-

nyelaras harga semasa dalam masa terdekat.

"Berdasarkan tinjauan juga, kami berpuas hati kerana buat masa ini pengusaha masih menawarkan harga mampu beli dan berpatutan," katanya.

Dalam pada itu, Razali berkata, kerajaan negeri berharap agar pengusaha tidak memasarkan harumanis Perlis pada harga ter-

lalu tinggi, selain cuba menipu pembeli dengan menjual buah mangga berlainan.

Katanya, agensi berkaitan seperti FAMA, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) dan Jabatan Pertanian sentiasa mengambil langkah serius dalam melindungi pembeli daripada sebarang penipuan.



12 APR, 2025

Jualan harumanis tahun ini dijangka sekitar RM19.4 juta

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

ARAU: Jualan harumanis Perlis musim ini dijangka hanya sekitar 2,400 tan metrik dengan anggaran nilai RM19.4 juta. Jumlah tersebut menunjukkan penurunan berbanding tahun lalu iaitu sebanyak 2,497.58 tan metrik dengan nilai RM49.9 juta. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad berkata, penurunan tersebut disebabkan beberapa faktor antaranya cuaca yang tidak menentu. "Selain itu, antara faktor lain adalah disebabkan oleh keadaan pokok yang berusia di samping kemampuan pengusaha untuk menguruskan tanaman mereka.